

30/03/1998

Usah biarkan Umno dihina masyarakat

Sut

AMARAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jitra Jumaat lalu mengenai imej Umno adalah kenyataan yang amat berterus terang dan perlu diberi perhatian serius oleh setiap ahli dan pemimpin Umno.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno itu menegaskan: "Umno akan kalah dalam pilihan raya umum jika rakyat yang bukan ahli parti (Umno) memandang jijik dan kotor terhadap imej Umno."

Menurutnya, sudah wujud orang mula benci serta memandang jijik terhadap parti dan pemimpinnya kerana terlalu ghairah merebut jawatan dalam parti dengan melakukan rasuah. Ada beberapa faktor penting yang menyebabkan rakyat yang bukan ahli Umno benci dan jijik kepada Umno. Malah, orang Umno sendiri pun, terutama ahli peringkat bawah, ikut sama mual terhadap Umno. Antara sebabnya ialah tindak-tanduk pemimpin Umno yang terlalu ghairah berebut jawatan dalam parti. Akibat mahu menang dan menjadi orang penting, mereka sanggup melakukan apa saja termasuk rasuah. Ini memberi kesan buruk kepada pemimpin yang jujur dan ikhlas tetapi kerana tidak sanggup memberi rasuah, menyebabkan mereka tewas. Pemimpin yang layak dan berwibawa juga akan kalah dan tersingkir.

Pertandingan juga menyebabkan mereka yang terbabit menghabiskan masa bukan untuk rakyat tetapi untuk dirinya sendiri. Ketika pertandingan baru-baru ini, kita mendengar pelbagai cerita mengenai adanya pemimpin melakukan kerja yang tidak sepatutnya dilakukan, termasuk campur tangan dalam urusan jabatan kerajaan. Perbuatan seperti itu nampaknya mudah dan kecil tetapi ia memberi kesan kepada pegawai jabatan berkenaan yang terpaksa ikut membuat keputusan yang cenderung membantu calon berkenaan. Pegawai berkenaan tentunya marah dan rasa terhina. Akhirnya ia menghasilkan natijah membenci pemimpin itu. Pada mulanya kebencian mereka mungkin terbatas kepada pemimpin tertentu saja. Jika hal seperti ini dilakukan oleh ramai pemimpin Umno, akhirnya mereka bukan lagi benci kepada pemimpin tertentu saja, malah kepada Umno.

Keghairahan perebutan jawatan dalam parti juga menyebabkan ada orang tidak mempertimbangkan lagi soal moral dan etika. Mereka sanggup melakukan apa saja demi kemenangan yang menjadi matlamatnya. Perbuatan mereka turut diperhati oleh rakyat di luar Umno. Perbuatan yang tidak bermoral dan beretika ini menimbulkan kebencian pengundi. Mereka yang bukan ahli Umno tetapi pengundi Umno melihat orang Umno, bukan saja pemimpinnya yang penuh lagak dan sombong. Ini menyebabkan pengundi Umno mencari alternatif lain.

Sebagaimana yang disebutkan oleh Perdana Menteri, kebencian orang yang bukan ahli Umno kepada Umno, disebabkan pemimpinnya yang sombong dan angkuh. Sikap begini boleh menyebabkan mereka tidak menyokong Umno.

Pemimpin Umno yang terbabit dengan kerja yang tidak bermoral hendaklah memperbaiki keadaan. Jika pertandingan hanya akan menimbulkan puak yang susah hendak disatukan semula, mereka hendaklah mencari jalan memperbaikinya. Umno memerlukan perpaduan kerana ia memberi kesan kepada penyokong Umno yang bukan ahli Umno.

Adalah amat mendukacitakan jika ada pemimpin Umno yang mementingkan kedudukannya melebihi daripada kemenangan Umno dalam pilihan raya umum. Tetapi hal seperti ini bukan tidak pernah terjadi. Ada ketua bahagian yang berpendirian bahawa kemenangannya sebagai ketua bahagian lebih penting daripada segala-galanya.

Orang yang sedemikian akan mempergunakan kedudukannya sebagai ketua bahagian untuk memperolehi sesuatu yang menjadi cita-citanya. Biasanya ia

bukan cita-cita parti. Parti memperjuangkan kepentingan agama, bangsa dan tanah air.

Presiden Umno menasihatkan: "Ahli Umno perlu menjaga imej parti supaya ia tidak dipandang jijik dan kotor oleh pengundi bukan ahli ketika pilihan raya umum" dan supaya "Sentiasa bersih untuk memperjuangkan kepentingan agama, bangsa dan tanah air".

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Perdana Menteri, Umno bersedia kehilangan ahlinya dengan menyingkir mereka yang terbabit dalam rasuah. Demi masa depan orang Melayu dan negara, Umno perlu dibersihkan daripada golongan ini.

Sesungguhnya rakyat sedang menunggu tindakan yang tegas diambil terhadap mereka yang terbabit dengan politik wang dan rasuah tanpa mengira kedudukan mereka. Tindakan tegas ke atas mereka yang terbabit tentulah dapat memulihkan imej Umno bukan saja pada mata rakyat biasa yang menjadi pengundi Umno tetapi juga kepada orang Umno sendiri.

Tindakan yang tegas itu bukan saja memberi kesan positif kepada Umno tetapi ia juga menarik perhatian mereka yang selama ini tidak menyokong Umno untuk menyokong Umno, kerana mereka tahu parti yang mereka sokong itu adalah sebuah parti yang benar-benar memperjuangkan kepentingan agama, bangsa dan tanah air.

(END)